bhvarsiti@bh.com.my

MPP 'jambatan' penghubung mahasiswa, universiti



Prof Mohd Roslan

Kuala Lumpur: Pemilihan anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang berwibawa cukup penting kerana memudahkan universiti mengetahui perkembangan semasa mahasiswa, selain membantu institusi pendidikan itu meningkatkan kualiti perkhidmatannya.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman, berkata hubungan rapat yang wujud antara pihak pengurusan dan MPP membolehkan penyaluran maklumat secara terus kepada seluruh mahasiswa.

Katanya, UPM cukup menghargai peranan dimainkan MPP, malah menganggap badan pelajar itu sebagai 'jambatan' yang mendekatkan mahasiswa dan universiti.

universiti ini mempunyai hubungan rapat dengan

setiap wakil MPP, sehingga mereka memiliki akses mudah untuk bertemu dengan bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, termasuk saya sebagai Timbalan Naib Canselor.

Memudahkan urusan

"Anggota MPP turut disediakan ruang pejabat sendiri bagi memudahkan urusan tugas mereka berkhidmat kepada mahasiswa," katanya.

Prof Mohd Roslan berkata, UPM turut mengadakan mesyuarat secara berkala bersama wakil MPP bagi membincangkan dan mengetahui secara lebih dekat permasalahan mahasiswa.

"Saya melihat pemilihan MPP juga sebagai platform melahirkan model contoh dalam kalangan mahasiswa kerana memiliki ciri kepimpinan yang baik, malah mereka bijak "Pihak pengurusan mengendalikan program pemerkasaan demi kebai-

universiti.

"Oleh itu, mahasiswa harus membuat pilihan terbaik bagi menentukan wakil MPP yang akan mewakili kebajikan mereka," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan, berkata MPP adalah sebuah badan mahasiswa yang memiliki kuasa untuk menjalankan tugas secara sah hasil daripada undi diperoleh mereka ketika pemilihan pilihan raya kampus.

Katanya, kuasa itu membolehkan ahli MPP yang memegang jawatan sebagai EXCO membabitkan bidang pengkhususan masingmasing, berhubung secara terus melalui perjumpaan dengan pengurusan atasan universiti.

Prof Hassan Basri berkakan golongan sasaran dan ta, penubuhan MPP mem-

punyai kepentingan apabila mereka bukan sahaja boleh menyampaikan perkembangan mahasiswa dan situasi semasa di dalam kampus, tetapi juga menghebahkan amanat serta program akan dilaksanakan universiti.

"Memandangkan MPP berperanan sebagai pembela mahasiswa dan membawa nama universiti. pemilihan ahli untuk menyandang jawatan di bawah badan pelajar terbabit harus dibuat secara bijak.

"Setiap mahasiswa mesti memastikan mereka mengenali keupayaan dimiliki calon MPP sebelum mengundi.

"Calon MPP yang ingin dipilih haruslah memiliki kriteria positif, terutama memiliki kemahiran komunikasi bagus kerana mereka juga akan mewakili mahasiswa dan universiti di peringkat tempatan serta global, malah merentas kementerian," katanya.

[FOTO HIASAN]



Barisan MPP baharu perlu mengangkat sumpah sempena Majlis Watikah Pelantikan MPP sebagai simbolik sebelum memulakan tugas diamanahkan.